

TARIKH	27 / 09 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	Setempat



MUDAH...Mustaffa menunjukkan wang ditukar kepada isterinya, Asiah Abbas, semalam.

Kemudahan tukaran wang

PETALING JAYA: Walau pun tukaran duit asing boleh dibuat ketika berada di Madinah dan Makkah, kemudahan kaunter pertukaran mata wang yang dibuka Bank Islam di Kompleks Tabung Haji cukup memudahkan jemaah haji, di sini.

Mustaffa Mat, 70, dari Kuala Lipis, Pahang menganggap kemudahan kaunter itu sangat penting bagi membolehkan jemaah haji membuat persiapan menukar duit ringgit kepada riyal

lebih awal.

"Ini membolehkan saya dan jemaah lain bersedia berhadapan sebarang kemungkinan seperti perlu membeli barang lebih awal sama ada di dalam kapal terbang mahupun sebaik tiba di Madinah nanti."

"Malah saya sendiri menukar wang sebanyak 200 riyal bagi persediaan perbelanjaan bersama isteri nanti. Sebaik tiba di sana, kami akan menukar lagi duit untuk perbelanjaan selama sebulan di sana," katanya.